



PESERTA ... Antara peserta yang mengambil bahagian.

UMS terajui perbincangan Kelestarian Kampus dalam 4RCCS2017

KOTA KINABALU — Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Pengurusan EcoCampus menganjurkan Persidangan Serantau Kelestarian Kampus Kali ke-4 2017 (4RCCS2017) baru-baru ini.

Dianjurkan dengan kerjasama Universiti Adamson Filipina dan Kolej Fukushima Jepun, majlis perasmianya telah disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof.

Dalam ucapannya, Dr. Shahril merakamkan ucapan tahniah kepada Pusat Pengurusan EcoCampus UMS atas usaha berterusan dalam menganjurkan wacana akademik tersebut.

Menurut beliau, topik yang diutarakan amat relevan iaitu 'Kampus dan Kelestarian: Menerajui Pembaharuan serta Menggerakkan Idea Kelestarian Kampus di Peringkat Serantau'.

"Kita berharap melalui penganjuran 4RCCS2017 ini, dapat membincangkan isu-isu global serta merancang inisiatif untuk mempertingkatkan lagi aktiviti bercorak hijau yang melibatkan aktiviti kokurikulum kepada para pelajar," katanya.

Persidangan yang menyaksikan sesi pembentangan 30 kertas kerja dan 60 poster itu disertai 120 peserta dari pelbagai universiti dan kolej di Malaysia, Filipina, Jepun dan Thailand.

Terdahulu, Pengerusi Persidangan 4RCCS2017, Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul dalam ucapan alu-aluannya berkata, persidangan itu merupakan platform bagi mengutarakan pelbagai idea dan kajian-kajian kes untuk membolehkan orang ramai belajar dan seterusnya memahami proses pelaksanaannya.

"Persidangan ini diisi dengan pelbagai aktiviti termasuk sesi kerjasama berkumpulan di mana ia membantu dalam membangunkan kapasiti konseptual untuk peserta-peserta dalam melaksanakan kelestarian di peringkat universiti dan kolej masing-masing," katanya.

Program selama dua hari itu turut dijayakan tiga penceramah jemputan iaitu Prof. Madya Dr. Nobuyuki Tsuji dari UMS; Presiden, Universiti Adamson, Filipina, Rev. Fr. Marcelo V. Manimtim, CM; dan Presiden Kolej Fukushima, Jepun, Takayuki Nakamura.



RASMI ... Dr. Shahril ketika merasmikan persidangan itu.



PENGERUSI PERSIDANGAN ... Dr. Awangku Hassanal ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya.